



KEMENTERIAN KOMUNIKASI
DAN MULTIMEDIA MALAYSIA

CyberSecurity
MALAYSIA

UNTUK SIARAN SEGERA

SIARAN MEDIA

KAJIAN TANDA ARAS KESEDARAN KESELAMATAN SIBER BAKAL TENTUKAN TAHAP PEMAHAMAN SERTA SIKAP GENERASI MUDA DALAM PENGGUNAAN TEKNOLOGI DIGITAL & INTERNET

CYBERJAYA, 15 November 2021 – Peningkatan penggunaan teknologi digital termasuk Internet dan media sosial telah mendedahkan Keluarga Malaysia kepada pelbagai bentuk ancaman dan serangan siber. Gejala tidak bermoral, sikap negatif serta salahlaku akibat dari penggunaan teknologi semakin membimbangkan dan menjadi kerisauan kepada pelbagai pihak.

Justeru itu, CyberSecurity Malaysia di bawah Kementerian Komunikasi dan Multimedia Malaysia (KKMM) dengan kerjasama Bahagian Sumber dan Teknologi Pendidikan (BSTP), Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) hari ini melaksanakan **Kajian Tanda Aras Keselamatan Siber** di seluruh Malaysia.

Kajian komprehensif ini dikendalikan oleh penyelidik akademik dari Universiti Utara Malaysia (UUM) dengan menyasarkan murid sekolah bantuan Kerajaan di bawah KPM yang merangkumi sekolah rendah dan sekolah menengah bandar dan luar bandar, sekolah jenis kebangsaan serta sekolah keperluan khas.

“Kajian ini merupakan salah satu projek CyberSecurity Malaysia di bawah Rancangan Malaysia Ke-12 (RMK-12) yang telah mendapat kelulusan untuk dilaksanakan. Berdasarkan mandat yang diberikan oleh Kerajaan, sebagai pusat pakar teknikal keselamatan siber, kami sentiasa berusaha untuk meneruskan kelangsungan membudayakan amalan dan penggunaan teknologi dan Internet secara positif, beretika, dan bertanggungjawab khususnya kepada generasi muda dalam Keluarga Malaysia.” kata **Dato’ Ts. Dr. Haji Amirudin Abdul Wahab FASc, Ketua Pegawai Eksekutif, CyberSecurity Malaysia**.



CyberSecurity Malaysia
200601006881 (726630-U)

Level 7, Tower 1
Menara Cyber Axis
Jalan Impact
63000 Cyberjaya
Selangor Darul Ehsan
Malaysia.

www.cybersecurity.my



Securing Our Cyberspace

Jelas beliau lagi, “Perkembangan teknologi digital yang dinamik sememangnya memberi banyak faedah, bukan sahaja kepada kemajuan ekonomi dan pembangunan fizikal, malah perkembangan sosio budaya Keluarga Malaysia. Sebagai contoh, perbuatan membuli kini bukan sahaja dilakukan secara fizikal, malah ia dilakukan secara *online* sehingga mengorbankan nyawa. Manakala, akses kepada bahan lucu seperti pornografi juga semakin berleluasa menyebabkan berlakunya keruntuhan akhlak bukan sahaja kepada orang dewasa malahan kepada golongan muda.”

Antara objektif Kajian Tanda Aras Kesedaran Keselamatan Siber ini adalah untuk:

- i. mendapatkan maklumat berkaitan isu keselamatan siber yang berlaku dalam kalangan murid sekolah;
- ii. mendapatkan status terkini tahap kesedaran keselamatan siber dalam kalangan murid dan juga ibu bapa;
- iii. membangunkan modul dan isi kandungan berkaitan kesedaran keselamatan siber yang bersesuaian untuk kegunaan murid dan guru; dan
- iv. merangka pendekatan yang bersesuaian dalam usaha melestari serta membudayakan keselamatan siber dalam kalangan murid, guru dan ibu bapa.

“Sesuatu kajian perlu dirancang dengan teliti agar ia dapat mencapai objektif yang ditetapkan. Pada kajian ini, pasukan penyelidik UUM memperuntukkan masa selama empat minggu bagi proses pengumpulan data berdasarkan jumlah sampel seramai 12,186 murid sekolah rendah, menengah dan kurang upaya serta 1,260 ibu bapa di seluruh negara, di mana kajian akan dijalankan melalui beberapa kaedah seperti soalan kaji selidik secara dalam talian dan juga temu bual.” kata **Prof. Dr. Haim Hilman Abdullah, Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi)** yang menjalankan fungsi sebagai Naib Canselor Universiti Utara Malaysia.

“Penglibatan UUM dalam kajian ini melalui kepakaran para penyelidik akademik UUM yang berpengalaman dan berkaliber sudah pastinya amat bermakna bagi UUM kerana dapatan hasil kajian ini akan dijadikan asas kepada perancangan aktiviti serta pengisian negara ke arah membina jati diri generasi muda seterusnya melahirkan Keluarga Malaysia yang beretika di masa hadapan”, ujar Prof. Dr. Haim Hilman lagi.

Sementara itu, **Puan Maznah Abu Bakar, Pengarah Bahagian Sumber dan Teknologi Pendidikan (BSTP), KPM** berkata, ”Kajian Tanda Aras Kesedaran Keselamatan Siber ini dilaksanakan tepat pada waktunya kerana warga sekolah khususnya murid terdedah dengan pelbagai ancaman teknologi masa kini, tambahan pula negara berada di pasca pandemik COVID-19 yang telah membawa pelbagai perubahan baharu dalam kaedah pengajaran dan pembelajaran.”

“Diharapkan agar hasil kajian ini dapat memberi informasi mengenai pola tingkah laku, sikap serta corak penggunaan Internet dalam kalangan murid termasuk penggunaan media sosial, pengendalian peranti digital, pemahaman murid mengenai keselamatan Internet seperti penggunaan kata laluan serta tahap kawalan ibu bapa terhadap penggunaan komputer dan Internet oleh anak-anak mereka. Kajian ini ialah satu-satunya kajian yang menyeluruh dan terangkum meliputi pelbagai aspek penggunaan teknologi dan Internet yang melibatkan murid sekolah di seluruh negara.”

Sebelum kajian bermula, beberapa sesi taklimat telah diberikan kepada Guru Penyelaras ICT tentang maksud dan tujuan soalan kaji selidik. Kesemua murid sekolah yang menjalani kajian ini akan mengakses soalan kaji selidik secara *online* melalui Pelantar DELIMa KPM. Murid sekolah rendah akan dipantau oleh Guru Penyelaras ICT bagi membantu dan menyelia mereka menjawab, manakala murid sekolah menengah pula boleh melaksanakan kajian secara kendiri tanpa perlu diselia oleh guru. Pautan kajian juga akan diedarkan oleh guru kepada ibu bapa melalui aplikasi *Whatsapp* dan sebagainya.

Kajian Tanda Aras Kesedaran Keselamatan Siber dijangka dapat mengenal pasti tahap kesedaran murid sekolah terhadap komponen keselamatan siber seperti buli siber, kecurian identiti, penggodaman, mengenal pasti korelasi aktiviti dan tabiat dalam talian dengan ancaman dan jenayah siber, selain menganalisa tahap kesedaran serta langkah kawalan oleh ibu bapa terhadap ancaman keselamatan siber.

~ TAMAT ~

Dikeluarkan oleh Jabatan Outreach dan Komunikasi Korporat, CyberSecurity Malaysia.

Untuk maklumat lanjut, hubungi media@cybersecurity.my atau +603-8800 7999

Mohd Shamil Mohd Yusoff (ext: 7237) / Zul Akmal Abdul Manan (ext: 7242)